

UMP, UUM tangguh terima pelajar dari Sabah

Jumaat 2 Oktober 2020 Utusan Malaysia

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menangguhkan urusan kemasukan penuntutnya dari Sabah dan zon merah Covid-19 secara bersempena di kampus UMP Pekan dan Gambang yang dijadualkan secara berperingkat bermula 12 Oktober hingga 14 Oktober depan.

Proses pendaftaran penuntut baharu dilakukan secara dalam talian bermula 5 Oktober hingga 9 Oktober bagi pengaktifan status sebagai penuntut UMP termasuk pengajaran dan pembelajaran.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, universiti itu juga mengambil langkah menangguhkan kemasukan penuntut yang mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah dalam tempoh 14 hari sebelum hari pendaftaran.

“Proses pendaftaran penuntut baharu dari Sabah dan zon merah hendaklah dilakukan secara dalam talian dan kembali



DR. YUSERRIE ZAINUDDIN

pulang ke UMP mengikut prosedur sedia ada selepas keadaan kembali pulih bagi negeri Sabah dan zon merah,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) dari Sabah dan zon merah di negeri lain juga diminta untuk menangguhkan perjalanan pulang ke kampus universiti itu di Sintok dekat sini.

Timbalan Naib Canselornya, Prof. Madya Dr. Hendrik Lam-sali berkata, langkah itu diambil berikutan peningkatan kes Covid-19 di beberapa buah negeri sejak kebelakangan ini.